TEKS UCAPAN

YANG BERUSAHA

Ts Dr MOHAMAD AZHAR BIN MOHD NOOR

PENOLONG REKTOR KAMPUS BERTAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG

SEMPENA

BERTAM CAREER SPARK SHOWCASE 2024

DI

PTAR UiTM BERTAM

PADA

18 JUN 2024 / 21 ZULHIJJAH 1445H

(JUMAAT)

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمـــنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

1. Yang Berusaha
Ts Dr. Mohamad Azhar bin Mohd Noor
Penolong Rektor Kampus Bertam mewakili Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang

2. Yang Berusaha
Prof Madya Ir. Ts. Dr Hajah Siti Noraini Sulaiman
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)

3. Yang Berusaha
Encik Mohd Zulkhairi bin Ibrahim
Unit Kerjaya dan Kuanseling UiTM Cawangan Pulau Pinang selaku pengarah program Career Spark Showcase 2024

4. Yang berusaha
Barisan pengurusan kanan UiTMCPP Kampus Bertam, ketua-ketua jabatan, para pensyarah, wakil-wakil agensi, NGO dan rakan strategik

5. Yang berusaha ahli jawatankuasa penganjur, mahasiswa dan mahasiswi

6. Seterusnya hadirin dan hadirat, tuan puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.r.t.

Salam Malaysia Madani

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

PENDAHULUAN

1. Syukur, Alhamdulillah, saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita diberi kesempatan, ruang dan peluang untuk berkumpul di PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam pada hari ini bagi menjayakan **Program Bertam Career Spark Showcase 2024.**

2. Program pembangunan kerjaya dan penempatan ini merupakan salah satu elemen penting dalam memberi kesedaran kepada para mahasiswa tentang **kepentingan persediaan memasuki gerbang kerjaya** pilihan, selari dengan bidang yang telah dipelajari sepanjang berada di kampus, khususnya di Kampus Bertam ini.

3. Lebih dari itu, saya difahamkan bahawa program ini adalah program **perintis** yang mengumpulkan semua pemain industri sains kesihatan. Mereka bukan sahaja membuat pameran, malah **menawarkan peluang pekerjaan** kepada bakal graduan sains kesihatan dan farmasi UiTM Kampus Bertam. Syabas kepada penganjur dan terima kasih saya ucapkan kepada semua wakil industri.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Program kerjaya ini adalah satu kaedah untuk memastikan pelajar yang bakal menamatkan pengajian dapat menggarap peluang pekerjaan selari dengan bidang mereka. Ini adalah sejajar dengan saranan Kementerian Pengajian Tinggi yang menekankan **kebolehpasaran**

graduan sebagai **indikator keberhasilan** sistem pengajian tinggi di Malaysia, serta meningkatkan taraf ekonomi setempat dan negara.

5. Kementerian Pengajian Tinggi telah menetapkan kebolehpasaran graduan sebagai salah satu fokus utama dalam agenda pendidikan tinggi negara. Kebolehpasaran graduan bukan sahaja **mencerminkan kualiti pendidikan** yang diberikan, tetapi juga **kesesuaian kurikulum dengan keperluan industri**. Oleh itu, adalah penting bagi institusi pengajian tinggi seperti UiTM untuk terus memperkukuh hubungan baik dengan pihak industri dan memastikan program pengajian yang ditawarkan **sentiasa relevan dengan perkembangan semasa.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Untuk memastikan kebolehpasaran graduan, pihak universiti perlu sentiasa **peka terhadap perkembangan dan perubahan dalam industri**. Melalui kerjasama erat dengan industri, universiti dapat mengenalpasti kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh majikan, serta menyesuaikan kurikulum dan program latihan supaya graduan kita lebih bersedia untuk memenuhi keperluan pasaran kerja.

7. Satu lagi aspek penting dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan adalah pendedahan kepada pengalaman praktikal melalui latihan industri, program praktikal, dan projek kolaboratif dengan industri. Pengalaman praktikal ini tidak hanya membekalkan mahasiswa dengan kemahiran teknikal, tetapi **juga kemahiran insaniah seperti komunikasi, kerja berpasukan, dan penyelesaian masalah** yang amat dihargai oleh majikan.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

8. Sesungguhnya, pihak UiTM Cawangan Pulau Pinang sangat berbesar hati dan terbuka kepada apa jua inisiatif oleh pihak industri yang dapat membantu meningkatkan keupayaan dan kemahiran graduan UiTM, terutamanya apabila inisiatif tersebut selari dengan matlamat UiTM untuk meningkatkan nilai kebolehpasaran graduannya.

9. Saya berasa sukacita kerana dijemput untuk merasmikan Program Bertam Career Spark Showcase 2024 pada hari ini. Saya sangat gembira dan teruja kerana dapat melihat lebih 10 reruai yang memenuni ruang PTAR ini. Justeru, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan jawatankuasa, terutamanya dari pihak Unit Kerjaya & Kaunseling BHEP UiTM Cawangan Pulau Pinang, serta semua pempamer yang bertungkus-lumus dalam menjayakan program ini. Pengorbanan, usaha gigih, dan dedikasi tuan/puan sangatlah saya hargai.

PENUTUP

10. Akhir kata, saya berharap usaha dan kerjasama universiti bersama-sama industri ini akan berterusan demi membantu meningkatkan taraf sosioekonomi negara kita, Malaysia tercinta. Semoga program seperti ini membawa kebaikan serta memberi manfaat besar kepada semua mahasiswa yang terlibat.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan
Program Bertam Career Spark Showcase 2024.
Sekian, terima kasih.